

# Analisis Lafaz ‘Am Menurut Imam al-Shafi’i dalam *al-Risalah*

**BITARA**

Volume 4, Issue 1, 2021: 053-061  
 © The Author(s) 2021  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Analysis Lafz ‘Am According to Imam al-Shafi’i in *al-Risalah*]

Kasimah Kamaruddin,<sup>1</sup> Nur Sakiinah Ab. Aziz<sup>1</sup> & Rosmalizawati Ab. Rashid<sup>1</sup>

### Abstrak

Lafaz am merupakan salah satu bentuk lafaz yang terdapat dalam al-Qur'an maupun Hadis. Jenis-jenis lafaz am ini digunakan untuk mengenal pasti hukum bagi lafaz ayat-ayat al-Qur'an dan juga Hadis dari sudut kedudukannya pada makna. Ulama pertama yang membincangkan lafaz am ini ialah Imam al-Shafi'i dalam kitabnya al-Risalah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti lafaz am menurut ulama usul dan menganalisis hukum lafaz am yang terdapat ayat-ayat al-Qur'an menurut Imam al-Shafi'i dalam kitabnya al-Risalah. Persoalannya, apakah pengertian am menurut ulama usul? Dan bagaimanakah Imam al-Shafi'i menganalisis ayat-ayat al-Qur'an berdasarkan bentuk-bentuk lafaz am tersebut dalam kitabnya al-Risalah? Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah usuliyyah al-lughawiyyah. Hasil daripada kajian ini menunjukkan terdapat empat hukum penting berkaitan lafaz am yang ditonjolkan oleh Imam al-Shafi'i dalam kitabnya al-Risalah. Pertama, penjelasan al-Qur'an secara umum dengan maksud umum. Kedua, pernyataan umum dengan maksud umum dan khusus. Ketiga, pernyataan umum yang menunjukkan maksud khusus dan keempat, pernyataan umum menunjukkan makna yang khusus apabila sunnah yang mengkhususkannya.

### Kata kunci:

Lafaz ‘Am, Imam al-Shafi'i, kitab *al-Risalah*.

### Abstract

Lafz ‘am is one of the types of pronunciation in the Qur'an and the Hadith. These types of lafz ‘am are used to identify the rules for the pronunciation of the Qur'an verses as well as the Hadith to infer their meaning. The first scholar to discuss lafz ‘am was Imam al-Shafi'i in his book al-Risalah. The objective of this study is to identify the general pronunciation according to the original scholar and to analyse the rules of lafz ‘am found in the Qur'an verses according to Imam-al-Shafi'i in his book al-Risalah. The question is, what is the meaning of ‘am according to the original scholar? And how does the Imam al-Shafi'i analyse the Qur'an verses based on the types of lafz ‘am in his book al-Risalah? This study is a qualitative study using the method of usuliyyah al-lughawiyyah. From the result of the study, there are four important rules relating to the lafz Aam based on the Imam al-Shafi'i in his book al-Risalah. First, the general explanation of the Qur'an with general meaning. Second, general statement with general and specific meaning. Third, general statement shows specific meaning and lastly, general statement shows specific meaning when the sunnah specialises it.

### Keywords:

Lafaz Am, Imam al-Shafi'i, kitab al-Risalah.

<sup>1</sup> Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

### Corresponding Author:

KASIMAH KAMARUDDIN, Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

\*E-mail: kasimah@unisza.edu.my

**Cite This Article:**

Kasimah Kamaruddin, Nur Sakiyah Ab. Aziz & Rosmalizawati Ab. Rashid. 2021. Analisis lafaz ‘am menurut Imam al-Shafi’i dalam *al-Risalah*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(1): 053-061.

## Pengenalan

Imam al-Shafi’i merupakan pakar dalam bidang usul fiqh. Beliau merupakan ulama pertama yang membukukan ilmu usul fiqh secara tersusun dalam kitabnya *al-Risalah*. Kitab ini menjadi rujukan utama di kalangan ahli usul selepasnya dalam menyusun karya-karya mereka. Di dalam kitab tersebut terdapat beberapa kaedah istinbat hukum yang dibincangkan antaranya lafaz *am* dan *khas*. Beliau menonjolkan beberapa hukum lafaz *am* berdasarkan analisis ayat al-Qur'an. Kaedah ini amat penting digunakan untuk menganalisis sesuatu lafaz dalam al-Qur'an dan juga hadis sebelum mengeluarkan sesuatu hukum. Lafaz *am* bermaksud sesuatu lafaz yang umum ditujukan kepada sesiapa sahaja, manakala lafaz *khas* ialah lafaz yang khusus untuk individu tertentu. Kajian ini hanya menumpukan kepada lafaz *am* yang telah dikemukakan oleh Imam al-Shafi’i dalam kitabnya *al-Risalah*. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kitab *al-Risalah* sebagai rujukan utama. Kajian ini dianalisis menggunakan kaedah analisis *usuliyah al-lughawiyah* berdasarkan analisis imam al-Shafi’i terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai lafaz *am*.

## Bibliografi Ringkas Imam al-Shafi’i

Nama penuh beliau ialah Muhammad bin Idris bin ‘Abbas bin ‘Uthman bin Shafi’i bin Sa’ib bin Abu Yazid bin Hashim bin ‘Abd al-Mutalib bin ‘Abd al-Manaf. Dilahirkan di Gazza iaitu di selatan Palestin pada tahun 150 H dan meninggal dalam usia 54 tahun pada tahun 204H (al-Shafi’i, 1979: 5). Bapanya telah meninggal dunia sebelum beliau dilahirkan. Setelah berusia dua tahun, beliau telah di bawa oleh ibunya kembali ke Makkah dan tinggal di sana selama 20 tahun (Samsu Adabi Mamat et al., 2002:36; Abu Ahmad Yasin, 2011:416).

Selama berada di Makkah, beliau banyak berkecimpung dalam bidang keilmuan khususnya yang berkaitan ilmu agama. Imam al-Shafi’i banyak menghabiskan masa mudanya dengan menuntut dan mendalmi ilmu pengetahuan. Dalam usia 9 tahun, beliau telah berjaya menghafaz 30 juzuk al-Qur'an (Syiradjuddin Abbas, 1979). Manakala pada usia 10 tahun, beliau telah menghafal kitab *al-Muwatta'* karangan Imam Malik, dan ketika berumur 15 tahun, beliau telah diberi kepercayaan untuk oleh gurunya untuk mengajar di Masjidil Haram. Semasa di Makkah, beliau telah belajar membaca, menghafaz dan mendalmi al-Qur'an, kesusastraan Arab, fiqh dan ilmu Hadith (Abu Ahmad Yasin, 2011:416).

Semasa hayatnya, Imam al-Shafi’i banyak menulis buku yang kebanyakan menjurus ke arah ilmu fiqh dan usul fiqh antaranya kitab *al-Risalah*. Kitab *al-Risalah* merupakan kitab tentang ilmu usul fiqh termasyhur yang dikarang oleh Imam al-Shafi’i. Imam al-Shafi’i adalah orang pertama yang menulis tentang ilmu usul fiqh (al-Shafi’i, 1979:5). Terdapat beberapa pendekatan yang dilakukan oleh Imam al-Shafi’i di dalam kitab *al-Risalah*. Antaranya

menerangkan tentang kedudukan al-Qur'an di dalam perundangan Islam secara mendalam, seterusnya menjelaskan kedudukan al-Sunnah dan peranannya, ilmu dan pembahagiannya, *ijma'*, *qiyyas*, *istihsan* dan lain-lain. Hal ini menunjukkan Imam al-Shafi'i telah berjaya menggariskan kaedah-kaedah istinbat dan mendalam dalam sumber-sumber fiqh dan menyusunnya semula dalam bentuk yang sempurna(Abu Zuhrah,1958:10; Samsu Adabi Mamat etal, 2002:40-41).

## Pengertian 'Am dan Khas

Lafaz *am* bermaksud suatu lafaz yang digunakan untuk menunjukkan suatu makna yang terdapat pada jumlah yang banyak tanpa ada batasan (al-Syayraziy,1988:14; Wahhab Khallaf,1978 :181; al-Zuhayliy,1986:244). Contohnya lafaz insan yang membawa maksud manusia. Maksud manusia mencakupi semua yang dikatakan manusia. Maka apabila lafaz manusia yang dimaksudkan ialah semua jenis manusia tidak kira lelaki mahupun perempuan. Sepertimana Firman Allah SWT:

\* وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلُّ فِي كِتَابٍ



Maksudnya: Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. semuanya itu tersurat di Dalam Kitab (Lauh Mahfuz) Yang nyata (kepada malaikat-malaikat Yang berkenaan) (Surah Hud,11:6).

Manakala lafaz *al-khas* dari sudut bahasa bererti khusus atau tunggal. Dari sudut istilah pula *al-khas* membawa maksud lafaz yang digunakan menunjukkan maksud khusus seperti lafaz yang menunjukkan maksud tunggal atau mufrad. Lafaz *al-khas* terbahagi kepada tiga iaitu pertama, *khas syakhsiy* iaitu khas terhadap individu atau nama orang seperti Muhammad, kedua, *khas jinsiy* iaitu khas terhadap jenis seperti manusia dan ketiga *khas nau'iy* iaitu khas terhadap bahagian seperti lelaki dan perempuan(Badrani, t.t:349; 'Ali Hasbullah, 1990:210; Abu Zuhrah, t.th:123). Dalam istilah ulama usul, makan *khas* adalah setiap lafaz yang telah ditetapkan kepada suatu makna secara khusus (al-Sarakhasiy,1998:125). Maka, lafaz *khas* adalah lafaz yang di dalamnya tidak mencakupi keseluruhannya tetapi hanya berlaku untuk sebahagian tertentu sahaja (al-Zuhayliy, 1986:204; khallaf,1978:191). Firman Allah SWT:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَرْتُهُ  
إِطْعَامُ عَشَرَةِ مَسَكِينٍ مِّنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعِمُونَ أَهْلِكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ تَجِدْ


فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ جَزِيلَكَ كَفَرَةُ أَيْمَنِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ وَأَحْفَظُوا أَيْمَنَكُمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ  
 ءَايَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَشَكُّرُونَ ﴿٤﴾

Maksudnya: Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya Dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat Dengan bersungguh-sungguh. maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekan seorang hamba. kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda Yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. dan jagalah - peliharalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (hukum-hukum ugamanya) supaya kamu bersyukur (Surah al-Maidah,5:89).

Hukum yang terkandung dalam ayat tersebut berkaitan wajib puasa 3 hari. Hal itu kerana lafaz bilangan 3 hari adalah lafaz khas yang menunjukkan makna pasti tanpa ada kemungkinan dikurangkan atau ditambahkan (Badran,t.th:350; Abd Karim Zaydan,1996:269).

## Analisis Imam al-Shafi'i Berkaitan Hukum Lafaz 'Am dalam al-Qur'an

Terdapat empat jenis hukum lafaz *am* yang ditonjolkan oleh Imam al-Shafi'i dalam kitabnya *al-Risalat*. Pertama, pernyataan umum dengan maksud umum; Kedua, pernyataan umum dengan maksud umum dan khusus; Ketiga, pernyataan umum dengan maksud khusus dan keempat, pernyataan umum, akan tetapi sunnah yang mengkhususkannya.



Rajah 1: Hukum lafaz *Am* menurut Imam al-Shafi'i

## Pernyataan Umum, dengan Maksud Umum

Pernyataan di bawah merupakan pernyataan yang umum dan membawa maksud yang umum. Contohnya firman Allah SWT:

اللَّهُ خَلَقَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ وَكَبِيلٌ

Maksudnya: Allah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dia lah yang mentadbirkan serta menguasai segala-galanya (Surah al-Zumar, 39:62).

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ

Maksudnya: Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (Surah Ibrahim, 14:22)

\* وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا

Maksudnya: dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah Yang menanggung rezekinya (Surah Hud, 11:6).

Menurut al-Shafi'i (t.t:54) menjelaskan bahawa setiap apa yang ada di langit, di bumi, makhluk yang bernyawa, pokok-pokok dan lain-lain, maka Allah yang menciptakannya. Setiap makhluk yang melata di muka bumi di beri rezeki oleh Allah. Allah juga mengetahui tempat tinggal binatang itu.

Maka lafaz ayat di atas menunjukkan secara qat'i hukum ayat tersebut adalah am. Hal ini kerana, dalam lafaz tersebut tidak menunjukkan ruang untuk ditakhsiskan, Begitu juga tidak terdapat dalil dari sunnah yang mentakhsiskan ayat tersebut (Abd Rauf, 2005 :258).

## Pernyataan Umum Membawa Maksud Umum dan Khusus

Lafaz ayat di bawah adalah berbentuk umum secara zahirnya. Akan tetapi di dalam ayat tersebut terdapat lafaz yang am dan khas. Contohnya Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارُفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ

اللَّهِ أَتَقْنَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan

atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu (Surah al-Hujurat,49:13).

Menurut al-Shafi'i (t.th.: 570), ayat ini jelas menunjukkan bahawa terdapat aspek umum dan khusus. Aspek umum terdapat dalam firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَّأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَّقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

Menurut al-Shafi'i (t.t:570), Allah Taala telah menciptakan manusia lelaki dan perempuan dan seluruhnya berbangsa-bangsa dan kaum supaya setiap manusia dapat mengenali antara satu sama lain semenjak dari zaman Rasulullah SAW, sebelum dan sesudahnya. Manakala dari aspek khusus adalah firman Allah SWT:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْدِيمُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَسِيرٌ

Menurut al-Shafi'i (t.t:57), lafaz taqwa tersebut yang mengkhusukan maksud ayat ini. Tawqa hanya wajib bagi orang yang mempunyai aqal yang terdiri daripada anak adam yang telah baligh dan bukannya orang yang akalnya lemah serta anal-anak yang belum baligh. Walaupun kanak-kanak tersebut belum baligh akan tetapi mereka bertaqwa kepada Allah dengan melakukan apa yang disuruh dan meninggal apa yang dilarang oleh Allah tidak dikategorikan sebagai taqwa di sisi al-Shafi'i.

## Pernyataan Umum Membawa Maksud Khusus

Pernyataan yang berbentuk umum, akan tetapi membawa maksud yang khusus. Maksud tersebut boleh difahami oleh orang yang mahir Bahasa Arab. Contohnya Firman Allah Taala:

يَأَيُّهَا النَّاسُ ضُرِبَ مَثَلٌ فَاسْتَمِعُوا لَهُ إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَنْ تَخْلُقُوا  
ذُبَابًا وَلَوِ اجْتَمَعُوا لَهُ وَإِنْ يَسْلُبْهُمُ الذُّبَابُ شَيْئًا لَا يَسْتَنِقُهُ مِنْهُ صُعْفَ الظَّالِبُ  
وَالْمَطْلُوبُ

Maksudnya: Wahai umat manusia, Inilah diberikan satu misal perbandingan, maka dengarlah mengenainya Dengan bersungguh-sungguh. sebenarnya mereka Yang kamu seru dan sembah, Yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat Walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya; dan jika lalat itu mengambil sesuatu dari mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (Kedua-duanya lemah belaka), lemah Yang meminta (dari mendapat hajatnya), dan lemah Yang diminta (daripada menunaikannya (Surah al-Hajj, 22:73).

Lafaz yang digunakan adalah lafaz umum yang meliputi keseluruhan manusia. Tetapi bagi orang yang memahami bahasa Arab, jelas menunjukkan maksud lafaz umum ini hanyalah sebahagian manusia. Hal ini kerana, ayat ini ditujukan khas untuk orang yang menyembah Allah (al-Shafi'i, t.t: 60-61).

## Pernyataan Umum, Tetapi Sunnah yang Mengkhususkannya

Pernyataan tersebut menggunakan lafaz yang umum, sekali gus membawa maksud umum sekiranya di lihat dari sudut zahir ayat. Akan tetapi, pernyataan ini dikhususkan dengan Hadis Nabi Muhammad SAW. Contohnya Firman Allah Taala:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوْا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيْكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ  
وَامْسَحُوْا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعَبَيْنِ ...

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) Iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali ( Surah al-Maidah, 5:6).

Menurut imam al-Shafi'i, ayat di atas menunjukkan bahawa orang yang berwuduk hendaklah membasuh kedua kaki sebagaimana ia membasuh wajah dan dua tangan. Akan tetapi secara tekstual ayat tersebut menunjukkan agar wudhu itu sah, maka kedua kaki harus di basuh seperti membasuh muka, atau cukup diusap seperti mengusap kepala. Dimungkinkan bahawa yang diharuskan membasuh kedua kaki itu hanya sebahagian orang yang berwuduk dan sebahagian yang lain cukup mengusapnya. Yang dimaksudkan dengan cukup mengusapnya adalah bagi orang yang bermusafir dan memakai khuf selama 3 hari dan bagi yang bermukim hanya sehari. Hadis Nabi di bawah mengkhususkan ayat al-Qur'an di atas:

Al-Mughirah bin Syu'bah juga ada meriwayatkan, katanya: "Ketika saya berada bersama Rasulullah S.A.W. ketika bermusafir, saya ingin membukakan khuf baginda, tetapi baginda melarangnya untuk baginda menyapunya". (H.R al-Bukhari, hadis no. 203, H.R. Muslim, hadis no. 274). Syuraih bin Hani, pernah bertanyakan kepada Aisyah tentang cara baginda memakai khuf, beliau menceritakan: "Pergilah kepada Ali, beliau lebih tahu (daripadaku) tentang hal ini!", beliau pernah bermusafir dengan Rasulullah S.A.W", lalu Syuraih pun bertanyakan kepada Ali, Ali menjawab: "Rasulullah S.A.W. membenarkan ( kaum muslimin) menyapu khuf untuk tempoh tiga hari bagi mereka yang bermusafir, dan sehari semalam untuk mereka yang bermukim". (H.R. Muslim, hadis no. 276).

Maka jelas di sini, perintah untuk membasuh kaki adalah bagi sebahagian orang yang berwuduk, manakala sebahagian lagi diharuskan untuk menyapu sahaja khuf tersebut tanpa membasuh kaki.

## Hasil Analisis dan Perbincangan

Al-Shafi'iyy (1979:53-79), telah mengemukakan empat jenis hukum lafaz *am*. Pertama, pernyataan umum dengan maksud umum; Kedua, pernyataan umum dengan maksud umum dan khusus; Ketiga, pernyataan umum dengan maksud khusus dan keempat, pernyataan umum, dan sunnah yang mengkhususkannya.

Jadual 1: Analisis Hukum Lafaz *Am*

Kategori	Lafaz	Makna	Hukum
1.Pernyataan umum dengan maksud umum	Umum	Umum	Umum
2.Pernyataan umum dan khusus dengan maksud khusus	Umum	Umum dan Khusus	Khusus
3.Pernyataan umum dengan maksud khusus	Umum	Khusus	Khusus
4.Pernyataan umum, dan sunnah yang mengkhususkannya	Umum	Khusus	Khusus

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa hasil daripada dapatan dan perbincangan mengenai hukum lafaz *am* yang dikemukakan oleh Imam al-Shafi'iyy dalam kitabnya *al-Risalah* menemukan empat jenis hukum lafaz *am* yang berbeza mengikut makna yang terdapat dalam ayat al-Qur'an tersebut. Walaupun kesemua lafaz tersebut secara jelasnya menunjukkan lafaz yang umum, akan tetapi tidak kesemua lafaz tersebut dihukumkan dengan maksud umum. Ia bergantung kepada makna yang dimaksudkan di dalam teks.

Kategori pertama menunjukkan hukum lafaz yang pertama berdasarkan lafaz tersebut iaitu secara pasti bahawa hukum tersebut tetap umum. Hal ini kerana, lafaz tersebut tidak boleh ditakhsiskan dan tiada dalil daripada hadis yang mengkhususkan lafaz tersebut. Berbeza dengan kategori kedua yang mempunyai dua bentuk lafaz dalam satu ayat iaitu umum dan khusus. Maka hukum kepada ayat tersebut menunjukkan makna yang khusus kerana terdapat lafaz yang khusus dalam ayat tersebut. Adapun bagi kategori yang ketiga dan keempat menunjukkan lafaz yang umum akan tetapi membawa makna dan hukum yang khusus. Bagi kategori ketiga, makna dan lafaz ayat tersebut hanya difahami bagi orang yang mahir bahasa Arab, manakala kategori yang keempat pula dihukumkan sebagai khusus kerana terdapat hadis Nabi Muhammad SAW yang mengkhususkan pernyataan ayat tersebut.

## Kesimpulan

Penentuan bentuk-bentuk lafaz dalam al-Qur'an mahupun Hadis adalah penting bagi menentukan sesuatu hukum yang berdalikan al-Quran dan Hadis. Imam al-Shafi'i merupakan pelopor utama dalam membukukan ilmu usul fiqh dalam kitabnya *al-Risalah*. Di dalam kitab tersebut, beliau mengemukakan empat hukum lafaz *am*. Pertama, pernyataan umum dengan

maksud umum. Kedua, pernyataan umum membawa maksud umum dan khusus. Ketiga, pernyataan umum membawa maksud khusus dan keempat, pernyataan umum, akan tetapi sunnah yang mengkhususkannya. Hukum lafaz *am* ini bukan sahaja boleh digunakan untuk dalil al-Qur'an dan al-Sunnah sahaja akan tetapi boleh juga diaplikasikan dalam data-data yang lain dalam menentukan lafaz seterusnya membuat kesimpulan sesuatu data tersebut.

## Rujukan

- Abu Ahmad Yasin. (2011). *Wasiat 4 Imam*. Johor: Jahabersa.
- Abu Zuhrah, Muhammad. (1958). *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.  
Aman Press.
- Badran, Abu Aynayn Badran. (t.th.). *Usul al-Fiqh al-Islamiy*. Iskandariah: Muassasah al-al-Bazdawi, ‘Ali bin Muhammad bin ‘Abd al-Karim bin Musa. (1995). *Usul al-Bazdawi*, Dicetak di tepi al-Bukhari.
- al-Bukhari.(1953). *Sahih al-Bukhari*. Mesir:al-Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Hasballah, ‘Ali. (1990). *Usul al-Tasyri’ al-Islamiy*. Dar al- Ma’aruf.
- Khallaf, ‘Abd al-Wahhab. (1978). *Ilmu Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Kharabisah, Abdul Rauf Mufdi. (2005). *Manhaj al-Mutakallimin Fi Istinbat al-Ahkam al-Syari’ah*. Dar Ibn Hazm.  
*Peradaban Manusia*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.  
Risalah.
- Samsu Adabi Mamat & Wan Ramli Wan Muhamad. (2002). *Cendikiawan Islam Perintis*  
al-Sarakhsyi, Abu Bakr Muhammad bin Ahmad bin Abi Sahl. (1993). *Usul al-Sarakhsiy*. Beirut:  
Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Shafi’i, Muhammad bin Idris. (t.th.). *Al-Risalat*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.  
Surabaya: Matbaah al-Hidayah
- al-Shayrazi. Abu Ishaq Ibrahim bin Ali Bin Yusof. (1988). *Al-Luma’ Fi Usul al-Fiqh*,  
Syiradjuddin Abbas. (1979). *Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafie*. Kelantan: Pustaka  
Zaydan, ‘Abd al-Karim. (1996). *Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Beirut:Muassah al-Risalah.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islamiy*. Beirut. Dar al-Fikr al-Mu‘asir.